

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : PADANG MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN, NEGERI
SEMILAN DARUL KHUSUS
Tarikh : 20-02-2005
Tajuk : TEKS UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN RUMAH TERBUKA
MALAYSIA: TAHUN BARU CINA 2005

TEKS UCAPAN
Y.A.B. DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
SEMPENA SAMBUTAN RUMAH TERBUKA MALAYSIA:
TAHUN BARU CINA 2005
BERTEMPAT
DI PADANG MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN,
NEGERI SEMILAN DARUL KHUSUS
PADA 20 FEBRUARI 2005 (AHAD)
JAM 8.30 MALAM

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum
Tuanku Syed Putra Jamalullail,

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tengku Fauziah Binti Tengku Abdul
Rashid,

Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku
Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman,

Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Najihah
Binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin,

Ampun tuanku,

Bagi pihak seluruh rakyat Malaysia, patik merafak sembah menjunjung setinggi-
tinggi kasih di atas perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk bersama-sama
patik sekalian pada malam yang gemilang ini. Patik sekalian berasa amat sukacita di
atas perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk bersama-sama rakyat jelata,
meraikan sambutan Rumah Terbuka Malaysia 'Tahun Baru Cina 2005'.

Patik sekalian sedar betapa besarnya perhatian yang diberikan oleh Seri Paduka
Baginda kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara yang tercinta
ini, dan Alhamdulillah, negara kita aman dan makmur di bawah naungan Duli-duli
Tuanku.

Ampun Tuanku, patik mohon perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk
menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

Ampun Tuanku,

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Malaysia Dan Yang Berbahagia Datin Seri Utama Masnah Rais,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus,

Yang Berhormat Datuk Wong Kam Hoong, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Malaysia,

Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Saudara dan Saudari, hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan hidayahNya, sekali lagi dapat kita bersama pada malam ini, dalam majlis sambutan Rumah Terbuka Malaysia 'Tahun Baru Cina 2005'.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya kepada masyarakat Cina di negara ini. Saya berasa sungguh gembira kerana kita telah meraikan perayaan Tahun Baru Cina dengan penuh rasa muhibbah dan dalam suasana yang gilang-gemilang, aman dan damai. Inilah keunikan negara kita Malaysia, yang amat kita banggakan, dan kita bersyukur di atas nikmat yang kita miliki ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Tahun Baru Cina disambut oleh masyarakat Cina seluruh dunia setiap tahun. Namun begitu, ramai dari kalangan kita menerima sambutan ini sebagai suatu tradisi semata-mata tanpa melihat pengajaran di sebalik sesuatu perayaan itu. Sebenarnya pengertian ini amat penting kerana jika ia tidak difahami dengan betul, maka sesuatu perayaan itu akan hanya tinggal sebagai suatu "ritual" semata-mata tanpa apa-apa makna. Maka wajarlah bagi kita untuk sentiasa cuba memahami pengajaran di sebalik sesuatu perayaan yang kita sambut bersama.

4. Tahun Baru Cina sudah berkurun lamanya menjadi tradisi bagi masyarakat Cina. Menurut sejarah, pada asal usulnya perayaan ini disambut untuk meraikan musim bunga dan ketibaan hasil tanaman yang lumayan. Dalam meraikan perayaan ini, masyarakat Cina akan berkumpul dan bersuka ria. Yang muda akan pulang ke kampung atau ke rumah ibu bapa mereka untuk memberi penghormatan kepada generasi tua dalam keluarga mereka. Ini sebenarnya membayangkan kepada kita kedudukan yang begitu tinggi yang diletakkan oleh masyarakat Cina kepada orang-orang tua mereka dan kepada institusi keluarga. Sikap hormat menghormati dan budi bahasa diberi penekanan yang tinggi dalam budaya masyarakat Cina.

5. Dari situ kita dapat lihat bahawa sama seperti amalan kaum-kaum lain di negara kita, budaya dan adat resam masyarakat Cina juga menekankan nilai-nilai murni. Jauh sekali dari menjadikan nilai-nilai tersebut sebagai sesuatu yang kita raikan hanya sekali setahun, ia sepatutnya dijadikan amalan kita setiap hari. Hari ini

Kerajaan memberi penekanan khusus kepada budi bahasa dikalangan masyarakat kita.

6. Kita ingin melihat agar rakyat kita bukan sahaja sekadar menyebut-nyebut tentang budi bahasa (just paying lip service) tetapi lebih dari itu, kita ingin melihat nilai-nilai murni seperti budi bahasa dan pekerti yang mulia menjadi sebahagian dari jatidiri kita. Jatidiri rakyat Malaysia. Saya rasa perkara ini sepatutnya bukanlah menjadi perkara yang terlalu sukar. Kerana sememangnya budaya kita semua, sama ada masyarakat Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Bajau, apa jua bangsa dan kaum yang ada di Malaysia ini, kesemuanya menyeru ke arah kebaikan. Dalam agama Islam, Budha, Hindu, Kristian, dan lain-lain ajarannya ialah sentiasa untuk melakukan kebaikan dan menghindari kejahatan. Kesemua adat resam dan budaya yang berkait dengan agama-agama ini menyeru kepada nilai-nilai murni.

7. Sebenarnya, dahulu kala, masyarakat timur memang dikagumi dengan budi bahasa dan pekerti mereka yang tinggi. Orang-orang barat merakamkan dalam sejarah betapa kagumnya mereka dengan sikap orang timur yang begitu lemah lembut dan bersopan. Tetapi mungkin kerana peredaran zaman, dan kerana dunia semakin kecil hari ini, nilai-nilai yang baik itu sedikit sebanyak terhakis, dan mungkin dari segi penghargaan terhadap nilai-nilai murni itu, masyarakat kita, khususnya generasi muda, tidak begitu berbeza dengan rakan-rakan mereka di barat. Maka akibatnya, kita lihat semakin hari semakin kurang penekanan diberikan kepada amalan budi bahasa yang baik serta nilai-nilai yang murni dalam kehidupan kita seharian.

8. Oleh itu, marilah kita menilai semula diri kita masing-masing, dan marilah kita berusaha untuk mengembalikan semula nilai-nilai positif ke dalam diri dan jiwa kita. Kita jadikan semua nilai-nilai yang murni ini sebahagian dari jatidiri masyarakat kita. Tahun Baru Cina adalah waktu untuk pembaharuan. "A time of renewal". Di setengah-setengah tempat ia dipanggil "Festival Musim Bunga", yakni suatu perayaan yang disambut dimusim bunga untuk melambangkan pembaharuan dan pembersihan, suatu pembukaan kepada lembaran baru.

9. Dalam masa persiapan untuk Tahun Baru Cina, masyarakat Cina membersihkan rumah mereka dengan rapi, membuka tingkap dan melakukan pelbagai pemulihan persekitaran. Marilah kita semua, sempena dengan perayaan simbolik ini, juga membersihkan dan memulihkan diri kita. Marilah kita bertekad untuk memperbaharui diri kita dan melangkah ke arah kebaikan, khususnya dalam perhubungan kita antara satu sama lain. Jika kita semua, tanpa mengira kaum agama dan bangsa, mengambil langkah ini, Insya-Allah, hubungan kita antara satu sama lain akan lebih erat dan perpaduan yang menjadi lambang kejayaan kita akan terus teguh dan kukuh demi menjamin masa depan negara kita.

10. Ingatlah, diwaktu kita mencapai kemerdekaan dunia tidak yakin sama sekali bahawa kita akan dapat mengelak dari ketegangan hubungan antara kaum, jauh sekali membangunkan negara kita. Tetapi melalui perhubungan antara kaum yang dipelihara dengan baik, keamanannya ditentukan dan pembangunan amat pesat dijayakan.

11. Hari perayaan semua kaum kita raikan bersama-sama dalam suasana mesra dan terbuka. Kita perlu terus kekalkan semangat muhibbah dan permuafakatan ini kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tunjang kekuatan kita untuk terus menerajui kemajuan dalam dunia yang penuh dengan pancaroba ini. Perpaduan

merupakan kunci yang dapat membuka pintu-pintu kemakmuran, ketenteraman, kesejahteraan, kedamaian dan kemajuan sesebuah negara. Berpegang teguhlah kepada kunci ini, yang sudahpun kita miliki.

12. Ibaratkanlah perpaduan ini seperti rumah bertiang seribu yang sudah pasti tidak mudah roboh walaupun ditiup angin kencang. Akan tetapi jika rumah tersebut hanya mempunyai satu tiang atau dua tiang sahaja, sudah pasti rumah tersebut tidak akan bertahan lama dan akan roboh apabila ditiup angin yang kuat. Setiap satu dari kita adalah tiang-tiang yang menegakkan keamanan dan kemakmuran negara tercinta ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Saya amat gembira sekali melihatkan perayaan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina pada malam ini dijayakan oleh begitu ramai rakyat dari berbilang kaum. Ini merupakan sesuatu yang amat memberangsangkan kerana ia membuktikan dengan jelas kepada dunia bahawa perpaduan di kalangan kita rakyat Malaysia begitu kukuh. "The unity of the Malaysian people is alive and well". Kita terus bersaudara, terus bantu membantu dan hormat menghormati dalam apa jua keadaan sekali pun.

14. Janganlah kita anggap perpaduan ini sebagai suatu perkara yang kecil. Dan jangan pula kita berfikir bahawa ianya akan berkekalan meskipun kita tidak memperjuangkannya. Ingatlah, perpaduan yang kita capai hari ini adalah hasil dari perjuangan dan pengorbanan generasi sebelum ini yang tidak kenal erti penat lelah dalam memperjuangkan kemerdekaan dan seterusnya mengekalkan kemerdekaan itu dengan memastikan wujudnya perpaduan kaum. Jangan sekali-kali kita leka dengan kesenangan yang kita nikmati ini dan lupa bahawa kita perlu sentiasa memelihara perpaduan dan semangat muhibbah yang kita miliki hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan kerana telah sekali lagi berjaya menganjurkan majlis Rumah Terbuka Bebangsaan untuk Tahun Baru Cina 2005. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir bagi menjayakan dan memeriahkan majlis pada malam ini. Kepada semua kaum Cina, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dengan harapan agar Tahun Ayam Jantan ini (The year of the Rooster) akan membawa buah yang banyak kepada anda semua. Selamat Tahun Baru Cina, Gong Xi Fa Cai.

16. Ampun Tuanku, sekianlah sahaja ucapan patik. Sekali lagi patik menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perhatian Seri Paduka Baginda Tuanku agar Allah S.W.T. sentiasa memberkati pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku berdua. Ampun Tuanku.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pejabat Timbalan Perdana Menteri

Putrajaya

20 Februari 2005